# Latihan Seni Silat Gayung Polis di Bukit Perwira

Oleh ROHANI SAMAN

KUALA LUMPUR, Sabtu. — Seramai 46 jurulatih Pertubuhan Silat Seni Gayung Malaysia dari seluruh cawangan Polis akan tamat latihan mereka pada 5 November.

Demikian dinyatakan oleh Mahaguru Pertubuhan Silat Seni Gayung Malaysia dan Serantau, Dato' Meor Abdul Rahman bin Daing Uda Hashim, hari ini.

Upacara tamat latihan itu akan dijalankan di pantai Port Dickson dalam satu majlis berkhatam dan mandi beradat.

Penyampaian bengkung dan sijil akan dijalankan di Pusat Latihan Polis pada hari berikutnya.

Pelatih-pelatih tersebut telah mengikuti kursus latihan khas mereka di Bukit Perwira, Polis Depoh.

Mereka dilatih oleh Cikgu Mat Lazim selaku pengarah Pertubuhan Silat Seni Gayung Malaysia dan dibantu oleh Cikgu Siti Kalsom selaku Timbalan Pengarah.

Berita Harian

## Bengkung

Ketika ditemui di tempat latihan hari ini, Mahaguru itu memberitahu bahawa pelatih-pelatih yang tamat kursus ini akan dihantar keseluruh cawangan polis.

30 SEP 1973

Mereka akan menjadi jurulatih silat gayung di kawasan masing-masing.

"Selain daripada itu mereka juga akan menjadi jurulatih pertubuhan belia yang ingin mempelajari silat gayung di tempat masing-masing.

Adalah difahamkan bahawa kedua-dua jurulatih tersebut pernah menjadi guru silat bagi anggota-anggota Angkatan Tentera Malaysia tahun lepas.

Pelatih-pelatih tersebut telah menjalani latihan secara terus menerus selama enam bulan.

Selain dari bertarung dengan menggunakan pisau, keris dan lain senjata tikam, merampas pistol dan senapang adalah satu daripada aspek seni kependekaran yang diajarkan.

Seni mempertahankan diri yang agak menarik sekali ialah menggunakan cendai, seutas tali pinggang hitam yang boleh digunakan untuk mengalahkan musuh malah menghapuskannya sekali.

Menurut Dato' Meor, mereka adalah di antara pelatih-pelatih yang terpantas dan beliau percaya melalui semangat-semangat dan dedikasi mereka akan menjadi pendekar-pendekar yang matang.

Upacara penyampaian sijil akan dijalankan secara tradisi lama Perak.

30 SEP 1973

# 48 anggota Polis dapat tauliah Silat Gayung

- 4 NOV 1973

Oleh SAHAR BAKAR

KUALA LUMPUR, Sabtu. — Seramai 48 orang kumpulan pertama anggota polis telah ditauliahkan sebagai anggota Silat Gayung bila kesemuanya menerima bengkung masing-masing pagi ini.

Ketua Polis Negara, Datuk Abdul Rahman Hashim, telah menyampaikan bengkung-bengkung tersebut dalam istiadat khas berlangsung di Pusat Latihan Polis di sini.

Penubuhan Pasukan Silat Gayung Polis Diraja ini sebagai memenuhi hasrat Allahyarham Tun (Dr.) Ismail, kata Encik Mahmood Mohd. Yunus, Pengarah Pengurusan Polis Diraja Malaysia.

Menurut beliau, tujuan memperkenalkan seni silat tersebut dalam pertubuhan polis sebagai hak mempertahankan diri kerana anggota polis sentiasa berhadapan dengan gejala-gejala yang cuba memecahkan keamanan.

"Ianya bukan sekali-kali untuk menganiayai orangramai," jelasnya.

Lain-lain tujuan ialah:

- Memberi peluang kepada semua anggota polis mempelajari seni kebudayaan kebangsaan melalui gerak-geri jasmani.
- Melatih diri supaya menguasai sifat-sifat kepahlawanan.
- Menjadi orang perantaraan untuk mengembangkan ilmu seni ini kepada anggota polis dan masyarakat setempat khasnya jenerasi muda yang kehausan seni dan budaya, dan
- Membolehkan anggota polis melaksanakan tanggungjawab dalam tugas hariannya dengan lebih gigih dan penuh kejayaan.

## Penghargaan

Encik Mahmood mengucapkan setinggi penghargaan kepada Pertubuhan Silat Gayung terutama tenaga pengajarnya yang berjaya melatih kumpulan pertama tersebut dalamasa enam bulan.

Beliau menasihatkan anggota yang baru ditauliahkan itu agar menggunakan ilmu pengetahuan mereka selaras dengan tugas, keadaan masa, tempat dan suasana.

Anggota-anggota itu kemudian telah mempertunjukkan kehandalan mereka dengan persembahan-persembahan seni mempertahankan diri tersebut, secara berpasukan dan juga pasangan termasuk menggunakan senjata.

Hadir sama mahaguru silat itu Datuk Meor Abdul Rahman, pegawai-pegawai kanan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan polis.

4 NOV 1973